

KUALA LUMPUR, 1 SEPT (BERNAMA) -- GAJI DAN ELAUN KAKITANGAN BADAN KERAJAAN YANG DISWASTAKAN TIDAK AKAN BERKURANGAN DARIPADA SEBELUM PENSWASTAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERIKAN JAMINAN HARI INI.

WALAUPUN DEMIKIAN, INI TIDAK BERMAKNA GAJI DAN ELAUN MEREKA HARUS MENINGKAT TERLALU TINGGI KERANA INGIN MENGIMBANGKAN DENGAN SKIM GAJI SWASTA, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MELANCARKAN TENAGA NASIONAL BERHAD -- BADAN KORPORAT BARU YANG MENGGANTIKAN LEMBAGA LETRIK NEGARA DI SINI.

+AMALAN INI TELAH MELANDA BEBERAPA SYARIKAT KERAJAAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN-PERATURAN DAN SISTEM GAJI. AKIBATNYA SYARIKAT-SYARIKAT INI MENGALAMI KERUGIAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI TURUT MENGUMUMKAN PERLANTIKAN TOKOH KORPORAT DATUK ANI AROPE SEBAGAI Pengerusi dan DATUK IBAK ABU HUSSIN SEBAGAI KETUA EKSEKUTIF TENAGA NASIONAL. ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA YANG LAIN AKAN DILANTIK KEMUDIAN.

DENGAN MENEGASKAN BAHAWA OBJEKTIF UTAMA DASAR PENSWASTAAN IALAH PENINGKATAN PRODUKTIVITI, PERDANA MENTERI BERKATA PENDAPATAN ATAU GAJI SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT HANYA PATUT DINAIKKAN JIKA PRODUKTIVITI MEREKA MENINGKAT YANG SETERUSNYA AKAN MENAMBAHKAN PENDAPATAN SYARIKAT. -- LAGI.

1158MST 01 09 90

D947

U B110 DEB
MAHATHIR - ELEKTRIK 2 KUALA LUMPUR

+OLEH ITU, BADAN KORPORAT BUKAN SAHAJA PERLU KEPADA PENGURUSAN YANG CEKAP TETAPI JUGA PEKERJA YANG BERDEDIKASI YANG SANGGUP MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN MASING-MASING,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ELAUN DAN GAJI KAKITANGAN BADAN YANG DISWASTAKAN MESTI MENGIMBANGI KOS PENGURUSAN DAN PELABURAN PADA MASA DEPAN.

+SESUATU SYARIKAT ITU MUNGKIN UNTUNG HARI INI TETAPI SEBAHAGIAN DARIPADA KEUNTUNGAN MESTI DIMASUKKAN KE DALAM SIMPANAN DAN SEBAHAGIAN LAGI DIGUNAKAN UNTUK PELABURAN MASA HADAPAN.

+PENDEK KATA, KITA BUKAN SAHAJA INGIN BADAN YANG DISWASTAKAN BEROPERASI SEBAGAI BADAN KOMERSIL DARI SEGI GAJI DAN ELAUN TETAPI JUGA BAGI SEGALA AMALAN KOMERSIL YANG MENGUNTUNGAN.

+AMATLAH MEMALUKAN JIKA BADAN YANG DISWASTAKAN AKHIRNYA GAGAL DAN MEMOHON UNTUK DIMILIKI SEMULA OLEH KERAJAAN ATAU MEMINTA PERLINDUNGAN KERAJAAN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1202MST 01 09 90

D948

U B111 DEB
MAHATHIR - ELEKTRIK 3 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPANNYA, PERDANA MENTERI MENGHURAIKAN LAGI MENGENAI MANFAAT PENSWASTAAN KEPADA PEKERJA, ORGANISASI, KERAJAAN, PENGGUNA DAN NEGARA.

BAGI PEKERJA, SELAIN GAJI DAN ELAUN YANG MEMUASKAN, MEREKA BERHAK MEMBELI LIMA PERATUS ATAU TIDAK LEBIH DARIPADA \$5 JUTA NILAI ASAS SAHAM SERTA MENDAPAT BONUS APABILA KEUNTUNGAN MENGIZINKAN.

+UNTUK BADAN-BADAN YANG MEMPUNYAI MODAL YANG TINGGI, HAD LIMA JUTA SAHAM DIKECUALIKAN DAN SEBALIKNYA LIMA PERATUS SAHAM DIPERUNTUKKAN KEPADA PEKERJA BADAN BERKENAAN,+ KATANYA.

PENSWASTAAN JABATAN SEPERTI LEMBAGA LETRIK NEGARA BOLEH MENGURANGKAN BEBAN KERAJAAN DARI SEGI MODAL UNTUK MEMBIAYAI PELBAGAI KEMUDAHAN AWAM DAN PENYELENGGARAANNYA, KATANYA.

PENYENARAIAH BADAN-BADAN YANG DISWASTAKAN ITU DI DALAM BURSA SAHAM KUALA LUMPUR AKAN MEMBERI PENDAPATAN KEPADA KERAJAAN UNTUK MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR-INFRASTRUKTUR LAIN YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA TETAPI TIDAK KETIKA IA DISWASTAKAN. -- LAGI.

D950

U B113 DEB
MAHATHIR - ELEKTRIK 4 KUALA LUMPUR

SEBAGAI AGENSI BESAR KERAJAAN YANG TELAH DISWASTAKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN KAKITANGAN TENAGA NASIONAL TIDAK AKAN MENGHAMPAKAN HARAPAN SEMUA PIHAK TERUTAMA PENGGUNA DAN NEGARA.

+PARA PENGGUNA SUDAH TENTU MENGHARAPKAN MUTU PERKHIDMATAN YANG MENINGKAT MANAKALA KADAR TARIF PULA BERADA DI PERINGKAT YANG BERPATUTAN. TENAGA NASIONAL PERLU MEMASTIKAN BAHAWA TARIF YANG DIKENAKAN KEPADA PENGGUNA STABIL, TIDAK MEMBEBANKAN DAN TERUS DAPAT MENGGERAKAN PEMBANGUNAN NEGARA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA KEMAJUAN PROSES INDUSTRIALISASI DAN EKONOMI NEGARA YANG PESAT MENYEBABKAN PERTAMBAHAN PERMINTAAN TENAGA ELEKTRIK DAN INI MERUPAKAN ANTARA CABARAN YANG PERLU DIHADAPI OLEH TENAGA NASIONAL.

ADALAH DIJANGKAKAN TENAGA NASIONAL AKAN MEMBUAT PELABURAN KIRA-KIRA \$20,000 JUTA SEHINGGA TAHUN 2000 UNTUK MEMENUHI PERTAMBAHAN PERMINTAAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN TENAGA NASIONAL UNTUK BERSEDIA MENGHADAPI KENAIKAN HARGA MINYAK EKORAN KRISIS TELUK DAN MENYARANKAN BADAN KORPORAT. ITU CARI JALAN MENGATASI SEBARANG MASALAH. -- LAGI.
1225MST 01 09 90

D955

U B115 DEB
MAHATHIR - ELEKTRIK 5 KUALA LUMPUR

WALAUPUN TENAGA NASIONAL KINI MENGAMBIL ALIH DARIPADA LEMBAGA LETRIK NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS BERTANGGUNGJAWAB MENENTUKAN PERKEMBANGAN INDUSTRI BEKALAN TENAGA ELEKTRIK TETAP BERMUTU DAN TARIF YANG DIKENAKAN KEPADA PENGGUNA MUNASABAH.

BAGI TUJUAN ITU, KATANYA, KERAJAAN MENUBUHKAN JABATAN BEKALAN ELEKTRIK YANG BERFUNGSI SEBAGAI AGENSI KAWALSELIA INDUSTRI PERBEKALAN ELEKTRIK DI SELURUH NEGARA.

PERDANA MENTERI JUGA MELANCARKAN LOGO TENAGA NASIONAL YANG MENGGUNAKAN SIMBOL MENTOL LAMPU YANG BERBENTUK HURUF T DENGAN BENTUK KILAT DI TENGAH-TENGAH MENTOL ITU.

COGANKATA BAGI TENAGA NASIONAL IALAH PENGGERAK KEMAJUAN NEGARA.

PADA MAJLIS ITU, SATU PERTUNJUKAN SLID MENGENAI SEJARAH BEKALAN ELEKTRIK JUGA DIPERSEMAHKAN.

APABILA PENYERAHAN KERTAS OPSYEN DITUTUP SEMALAM, KIRA-KIRA 96 PERATUS KAKITANGAN LEMBAGA LETRIK NEGARA BERSERTU MENYERTAI TENAGA NASIONAL. -- BERNAMA.

1237MST 01 09 90